



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (33)

SIARAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN

SEMPENA KAJIAN PENTAKSIRAN SUMBER IKAN PELAGIK MENGUNAKAN KAEDAH HIDRO AKUSTIK DI PERAIRAN PANTAI BARAT SEMENANJUNG MALAYSIA TAHUN 2025


SERI MANJUNG, 9 September 2025 – Marine Fishery Resources Development and Management Department (MFRDMD) dengan kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) akan melaksanakan kajian pentaksiran sumber perikanan (pelagik) di Pantai Barat Semenanjung Malaysia bermula pada 9 hingga 19 September 2025. Kajian ini memperoleh sokongan dana daripada Japanese Trust Fund melalui kapasiti bawah Southeast Asia Fisheries Development Centre (SEAFDEC) / MFRDMD sebagai jabatan teknikal serantau yang bertanggungjawab menjalankan kajian berkaitan pengurusan sumber marin di Asia Tenggara. MFRDMD merupakan salah satu daripada lima (5) jabatan teknikal di bawah SEAFDEC, di mana Malaysia melalui DOF merupakan negara hos bagi MFRDMD.

Jabatan teknikal lain di bawah SEAFDEC ialah Aquaculture Department (AQD) yang dihoskan oleh Filipina, Marine Fisheries Research Department (MFRD) yang dihoskan oleh Singapura, Training Department (TD) yang dihoskan oleh Thailand dan Inland Fisheries Resources Development and Management Department (IFRDMD) yang dihoskan oleh Indonesia. Keanggotaan SEAFDEC terdiri daripada negara Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Jepun, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Kajian ini antara lain melibatkan aktiviti survei menggunakan vesel M.V. SEAFDEC 2 bagi pengumpulan data dan sampel ikan pelagik di perairan Pantai Barat Semenanjung Malaysia, bertujuan untuk menilai status stok perikanan negara. Maklumat ini amat penting bagi membolehkan Jabatan, selaku agensi tunggal dalam pengurusan sumber perikanan negara, memberikan nasihat yang berasaskan bukti saintifik terkini kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam menetapkan dasar dan hala tuju industri perikanan negara. M.V. SEAFDEC 2 juga telah digunakan dalam menyokong pelaksanaan dalam pelaksanaan survei perikanan dan oseanografi di perairan ASEAN, termasuk perairan Malaysia pada tahun 2014-2015, 2016 dan 2020.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Kajian ini juga melibatkan penglibatan dan kerjasama penyelidik daripada Institut Penyelidikan Perikanan (IPP), Jabatan Perikanan Malaysia. Selain MFRDMD dan IPP Kampung Aceh, kajian ini turut melibatkan pasukan penyelidik teknikal daripada SEAFDEC Training Department dan Hokkaido University. Malaysia, selain memperoleh manfaat dalam mengumpul maklumat untuk tujuan pentaksiran stok perikanan ikan pelagik, juga memperoleh manfaat dalam aspek pembangunan kapasiti dan kepakaran teknikal melalui penglibatan kumpulan pakar daripada SEAFDEC TD dan Hokkaido University, khususnya pendekatan biologi yang mengintegrasikan sains hidroakustik perikanan bagi menambah baik parameter pentaksiran sumber perikanan.

Sebagai pembukaan kepada pelayaran survei penyelidikan ini, DOF dengan kerjasama MFRDMD telah mengadakan satu Majlis Perasmian di Seri Manjung, Perak pada 9 September 2025. Semasa majlis ini, YBrs. Puan Yeo Moi Eim, Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), telah menyampaikan ucapan pembukaan, diikuti dengan ucapan oleh Encik Abd Haris Hilmi bin Ahmad Arshad, Pengarah MFRDMD dan Puan Kiyomi Hyoe, Ketua Seksyen Ekonomi, Kedutaan Jepun di Malaysia.

Turut hadir bersama adalah wakil daripada Tentera Laut Diraja Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Polis Marin, Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak, Institut Penyelidikan Perikanan Malaysia dan Pengarah Pejabat Perikanan Negeri Perak.

-TAMAT-

Pautan gambar :

<https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1ew4FgnsxcVLCG7HwrBmrM3fwiBolbYQa>

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my